

21/05/1997

Pulau Layang-Layang syurga untuk penyelam

Jamhariah Jaafar

ASALNYA adalah 13 terumbu karang yang berkumpul. Tiada tanah sehinggalah pada 1985 apabila Kerajaan Malaysia memulakan kerja menambak yang mulanya bertujuan menjadikan ia kawalan sempadan terakhir, memisahkan Malaysia dengan perairan antarabangsa.

Tokoh yang bertanggungjawab membentuk terumbu berkenaan menjadi sebuah pulau ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sekali gus menukarkan nama Terumbu Layang-Layang kepada Pulau Layang-Layang.

Kira-kira sepuluh bahtera tanah yang sering digunakan untuk kerja menambak laut, diangkut ke kawasan terumbu. Diletupkan dan diperkukuhkan dengan pasir, bagi membentuk sebuah pulau kecil seluas sekadar enam hektar atau 14 kilometer persegi, dan panjangnya hanya dua kilometer.

Pulau Layang-layang terletak kira-kira 300 kilometer daripada pantai Sabah, iaitu tujuh darjah utara Khatulistiwa dan 160 batu nautika dari barat daya Kota Kinabalu. Kawasan terumbu berkenaan sebenarnya dibentuk oleh 13 terumbu berasingan yang berkait antara satu sama lain dengan membentuk satu bulatan bujur berukuran tujuh kali dua kilometer.

Asalnya pulau gersang itu hanya mempunyai sebuah pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan sebuah rumah rehat kecil bagi pegawai TLDM yang berkunjung ke sana.

Tetapi Perdana Menteri bersama anaknya, Mukhriz, seorang penyelam, dapat melihat potensi pulau kecil itu untuk menjadi syurga bagi penyelam dunia.

Maka sebuah pusat peranginan, Layang-Layang Island Resort mula dibina pada awal 1990 dan dilengkapi dengan segala peralatan seperti hotel antarabangsa. Ia dibuka dengan rasmi pada 1994.

Layang-Layang Island Resort adalah di bawah pengurusan syarikat Reliance Pacific Bhd (RPB) yang turut mengendalikan hotel Rangkaian Seri Malaysia.

Pusat peranginan bertaraf tiga bintang itu, bagaimanapun menawarkan pelbagai khidmat dan kemudahan seperti hotel lima bintang.

Chalet berkenaan mempunyai 82 bilik dan empat suite yang terletak indah menghadap lautan biru. Ia lengkap dengan pelbagai kemudahan termasuk telefon, penghawa dingin dan bilik mandi. Keseluruhan hotel diperbuat daripada papan lapis.

Ia dibahagikan kepada enam bangunan berasingan iaitu dua blok bagi penginapan tetamu biasa, satu blok khusus bagi orang kenamaan, satu blok bagi pekerja, satu kawasan khusus bagi lobi, restoran dan bar, serta satu bangunan berasingan bagi pusat mengendalikan aktiviti menyelam.

Sebuah kolam renang sederhana besar menjadi tumpuan semua pengunjung terutama pada tengah hari yang terik untuk menyejukkan badan.

Dengan keluasan sekadar enam hektar dan panjangnya kira-kira dua kilometer, pulau yang satu ketika dahulu begitu kosong, panas dibakar mentari kini semakin redup dengan pokok-pokok yang rimbun.

Pulau berkenaan terbahagi kepada empat bahagian mudah iaitu fungsi asasnya sebagai pangkalan tentera laut, pusat peranginan Layang-Layang terletak di bahagian tengah pulau, landasan kapal terbang yang mampu menerima kapal terbang Saeaga yang mempunyai 37 tempat duduk dan akhirnya penginapan ratusan ribu burung layang-layang, yang menjadi simbol utama pulau kecil itu.

Bagaimanapun, pulau itu tidak mampu untuk menjanjikan keseronokan kepada semua pengunjungnya kecuali mereka yang gemar menyelam. Hakikatnya ialah Pulau Layang-Layang adalah destinasi percutian khusus bagi golongan penyelam atau mereka yang hanya ingin tidur, makan dan beristirahat.

Bagi penyelam, lokasi selaman di sini menjanjikan kenangan yang tidak akan dilupakan. Kehadiran pelbagai jenis jerung terutama hammerhead, leopard dan white tip menjadi tumpuan mereka.

Dengan jarak penglihatan mencapai purata sehingga 60 meter dan kedalaman sehingga 2,000 meter, penyelam dijanjikan pemandangan batu karang dan hidupan laut yang lebih baik berbanding Semenanjung Malaysia.

Selepas penat menyelam seharian, suasana petang yang tenang lebih terhibur dengan melihat ribuan burung layang-layang yang pulang ke sarang. Pengusaha chalet menyediakan tempat melihat burung yang menarik. Pengurus chalet, Alvin Lim, berkata chalet berkenaan boleh menerima sehingga 150 tetamu pada satu-satu masa, tetapi purata 50 hingga 60 orang menjanjikan layanan yang lebih selesa.

"Ketika ini, Pulau Layang-layang lebih terkenal di kalangan penyelam luar negara, kerana begitu banyak rencana dibuat mengenainya di majalah antarabangsa.

"Bagi rakyat tempatan, hanya penyelam yang hadir di sini tetapi jumlah tidak ramai mungkin kerana perbelanjaan yang tinggi," katanya.

Berikutan satu promosi khusus diadakan untuk pengunjung tempatan iaitu pada pakej bernilai RM1,768 (mulai dari Kota Kinabalu) bagi percutian lima hari empat malam. Tetamu perlu berada di Lapangan Terbang Kota Kinabalu sebelum menaiki Saeaga Airlines untuk terus ke Pulau Layang-Layang.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Layang-Layang Island Resort di tel: 03-2433166.

(END)